



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**PERLINDUNGAN TERHADAP HAK  
WANITA DALAM PERUNDANGAN  
ISLAM DI SELANGOR**

oleh

**SALWANA BINTI AHMAD DAHLAN**

**Kertas projek ini adalah sebahagian daripada  
keperluan Kursus Diploma Undang-undang  
dan Pentadbiran Kehakiman Islam**

**Fakulti Undang-undang  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

**Sesi 1993/94**

## ABSTRAK

Penulisan latihan ilmiah ini dibuat di bawah tajuk "Perlindungan Terhadap Hak Wanita Dalam Perundangan Islam di Selangor". Ia adalah sebagai latihan untuk memenuhi syarat bagi mendapat Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Fakulti Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sesi 1993/94.

Kajian ilmiah ini dibahagikan kepada lima bab. Melalui bab pertama, penulis membawa pembaca agar lebih memahami dan mengenali tajuk yang cuba dikupas. Antara lain ia membincangkan soal masalah kajian, latarbelakangnya, definisi tajuk dan huraian tentang organisasi pentadbiran yang merangkumi sejarah penubuhan Mahkamah Syariah, peranannya serta struktur pentadbirannya.

Setelah itu, menerusi bab kedua, pendekatan dibuat terhadap hak dan kedudukan wanita sebelum dan sesudah kedatangan Islam. Ia menyentuh serba sedikit

suasana pada zaman Yunani, Romawi, Yahudi, Barat dan tidak ketinggalan juga Islam. Untuk lebih mendekati suasana yang berlaku dalam Islam, rujukan telah dibuat berdasarkan sejarah, nas-nas al-Quran dan hadis serta pandangan para ulama'.

Dalam bab ketiga, barulah dibincangkan tentang hak wanita berdasarkan undang-undang Islam di Selangor. Kupasan secara satu persatu dibuat di bawah tajuk-tajuk kecil iaitu mengenai hak sebelum pertunangan, hak semasa pertunangan, hak semasa perkahwinan dan hak dalam perceraian. Tinjauan juga turut dibuat terhadap undang-undang sivil sebagai perbandingan.

Bab keempat merupakan satu bab yang cukup menarik. Ia membincangkan analisa terhadap kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah dan oleh Jawatankuasa Ulang Bicara di Selangor. Kesemua kes adalah kes-kes rayuan. Analisa cuba dibuat dari segi fakta dan undang-undang. Selain daripada itu, analisa juga turut dilakukan terhadap jumlah kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah di Selangor.

Seterusnya dalam bab terakhir iaitu bab kelima, rumusan, syor serta kesimpulan akan dibincangkan. Ia dibuat berdasarkan maklumat yang ada serta penelitian penulis di sepanjang penulisan ini dilakukan.

PENGHARGAAN  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله حمده ونستعينه ونستغفره ونتوب إليه  
ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا، من  
يهدى الله فلا مضل له ومن يضل فلا هادي له .

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke  
hadrat Allah ta'ala, salawat serta salam buat kekasihNya,  
Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga serta para sahabat  
baginda.

Dengan Taufiq dan Hidayah dari Allah s.w.t.,  
penulisan latihan ilmiah ini telah dapat dilaksanakan  
sebagai memenuhi keperluan kursus Diploma Undang-undang  
dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Fakulti Undang-undang,  
Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Dikesempatan ini, penulis ingin merakamkan  
ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi  
penghargaan kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr.  
Mahmud Saedon b. Awang Othman yang telah memberikan  
bimbingan dan tunjuk ajar selaku Penyelia bagi kertas  
projek ini.

Sekalung penghargaan juga dirakamkan buat kakitangan Mahkamah Tinggi Syariah, Selangor khususnya Ketua Pendaftar; Tuan Hj. Johdi b. Toha, Pembantu Pendaftar; Cik Siti Kalsom bt Hj Taib dan Puan Siti Aminah bt. Hussin serta Ketua Kerani, En. Mohd Atan di atas segala sokongan dan kerjasama dalam membantu mendapatkan data-data yang diperlukan.

Penghargaan ini juga ditujukan buat Su, Misah, Kin, Kak Nik dan rakan-rakan DAIJ yang telah banyak membantu sama ada dari segi buah fikiran, sokongan moral mahupun material dalam usaha menyiapkan kertas projek ini.

Seterusnya, kepada semua yang memberi dorongan dan perangsang sama ada secara langsung mahupun tidak langsung termasuk mak dan abah, abang Mat dan Kak Ina, abang-abang, kakak-kakak, adik-adik dan As. Keprihatinan kalian amat besar ertinya bagi diri penulis dalam membina ketabahan menghadapi pelbagai suasana di UIAM ini.

Semoga segala sumbangan pemikiran, moral dan material itu akan diberi ganjaran yang sebaik-baiknya di sisi Allah ta'ala. Penulis berharap penulisan ini akan menjadi pendorong kepada semua pihak termasuk diri penulis dalam membuat kajian pada masa-masa yang akan datang.

Sekian, wassalam.

**SALWANA AHMAD DAHLAN**  
Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia

Mei 1994.

## DAFTAR ISI

	<u>Mukasurat</u>
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR ISI	vii
SENARAI KES	xi
SENARAI STATUT	xiii
SENARAI CARTA	xiv
SENARAI KEPENDEKAN	xv
TRANSLITERASI	xvi
 <b>BAB PERTAMA:</b>	
<b>Pengenalan Tajuk</b>	
1.0 Muqaddimah	1
1.1 Skop Kajian	6
1.2 Masalah Kajian	7
1.3 Latarbelakang Kajian	8
1.4 Definisi Tajuk	13
1.5 Organisasi Pentadbiran	15
1.5.1 Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah	15
1.5.2 Peranan dan Fungsi	17
1.5.3 Struktur Pentadbiran	18

**BAB KEDUA:**

**HAK DAN KEDUDUKAN WANITA SEBELUM DAN  
SESUDAH ISLAM**

2.0	Di Zaman Yunani	27
2.1	Di Zaman Romawi	28
2.2	Di Zaman Yahudi	29
2.3	Di Barat (Nasrani)	30
2.4	Dalam Islam	31
2.4.1	Berdasarkan Sejarah	31
2.4.2	Berdasarkan nas Al-Quran, Hadis dan Pendapat Ulama'	32

**BAB KETIGA:**

**HAK WANITA MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM  
NEGERI SELANGOR**

3.0	Hak Sebelum Pertunangan	60
3.0.1	Semasa Kanak-kanak dan Remaja	60
3.0.1.1	Hadhanah	61
3.0.1.2	Nafkah	65
3.1	Hak Semasa Pertunangan	66
3.1.1	Pemberian	66
3.1.2	Pemungkiran Pertunangan	67
3.1.3	Jaminan Perkahwinan	68
3.2	Hak Semasa Perkahwinan	69
3.2.1	Mahr	70

Mukasurat

3.2.2	Nafkah	71
3.2.3	Poligami	73
3.2.4	Perlindungan Jenayah	74
3.3	Hak dalam Perceraian	75
3.3.1	Proses Perceraian	75
3.3.1.1	Talaq	75
3.3.1.2	Fasakh	77
3.3.1.3	Cerai Ta'lik	81
3.3.1.4	Khul'	82
3.3.1.5	Ruju'	83
3.3.2	Kewangan	84
3.3.2.1	Mahr dan pemberian	85
3.3.2.2	Mut'ah	86
3.3.2.3	Nafkah	87
3.3.2.4	Harta Sepencarian	90
3.3.3	Hadhanah	92

**BAB KEEMPAT:**

**ANALISA KES-KES DI SELANGOR**

4.0	Analisa Penghakiman	98
4.0.1	Fasakh	98
4.0.2	Khul'	102

## SENARAI KES

<u>Nama Kes</u>	<u>Mukasurat</u>
Ainan lwn Syed Abu Bakar	12
Aisyah bte Abdul Rauf lwn Wan Mohd Yusof bin Wan Othman	129
Dato' Zainal Nazeri b Zainuddin lwn Natasha bte Abdullah @ Alicia A. Bautisto	132
Fakhariah bte Lokman lwn Johari b Zakariah	108
Faridah binti Dato' Talib lwn Mohd Habibullah bin Mahmood	102
Hairun binti Mohd Shariff lwn Omar bin Mohd Noor	98
Hjh. Lijah bt. Jamal lwn Fatimah bt. Mat Diah	91
Hjh. Saemah lwn Sulaiman	90
Myriam lwn Mohammed Ariff	11
Noryati bte Tasrip lwn Hamid bin Che Mat	113
Rajamah bt Mohamed lwn Abdul Wahab b Long	126
Re Susie Teoh, Teoh Eng Huat lwn Kadi Besar Pasir Mas Kelantan lwn Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan	61
Roberts @ Kamaruzzaman lwn Umi Kalthom	11
Sharifah Laila bte Syed Shamdin lwn Abdul Latif b. Arshad	122

Mukasurat

Siti Hawa bt. Mohamed lwn Mohamed Ridzuan bin Hj. Hussain	119
Syed Abdullah As-Shatiri lwn Shariffa Salmah	63
Tengku Anom Zaharah lwn Dato' Dr. Hussein	86
V. Viswalingam lwn S. Viswalingam	65

## SENARAI STATUT

Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961

Akta Orang Dewasa 1971

Akta Umur Dewasa 1961

Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Selangor 1991

Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor 1991

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor (pindaan)  
1988

Perlembagaan Persekutuan

Undang-undang Kontrak

Undang-undang Memperbaharui (Perkahwinan dan Perceraian)  
1976

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952

## SENARAI CARTA

### Mukasurat

4.1.1	Jumlah kes yang dibicarakan pada bulan Feb-Okt 1992	137
4.1.2	Jumlah kes yang dibicarakan pada bulan Jan-Okt 1993	139

## SENARAI KES

<u>Nama Kes</u>	<u>Mukasurat</u>
Ainan lwn Syed Abu Bakar	12
Aisyah bte Abdul Rauf lwn Wan Mohd Yusof bin Wan Othman	129
Dato' Zainal Nazeri b Zainuddin lwn Natasha bte Abdullah @ Alicia A. Bautisto	132
Fakhariah bte Lokman lwn Johari b Zakariah	108
Faridah binti Dato' Talib lwn Mohd Habibullah bin Mahmood	102
Hairun binti Mohd Shariff lwn Omar bin Mohd Noor	98
Hjh. Lijah bt. Jamal lwn Fatimah bt. Mat Diah	91
Hjh. Saemah lwn Sulaiman	90
Myriam lwn Mohammed Ariff	11
Noryati bte Tasrip lwn Hamid bin Che Mat	113
Rajamah bt Mohamed lwn Abdul Wahab b Long	126
Re Susie Teoh, Teoh Eng Huat lwn Kadi Besar Pasir Mas Kelantan lwn Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan	61
Roberts @ Kamaruzzaman lwn Umi Kalthom	11
Sharifah Laila bte Syed Shamdin lwn Abdul Latif b. Arshad	122

## SENARAI KEPENDEKAN

DBP		Dewan Bahasa dan Pustaka
EUKIS	1984	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984
EPPIS	1989	Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989
JUB		Jawatankuasa Ulang Bicara
MRS		Mahkamah Rendah Syariah
m. s.		mukasurat
MTS		Mahkamah Tinggi Syariah
Per.		Perkara
Sek.		Seksyen
trjmh.		terjemahan
UPAIS	1952	Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952

# TRANSLITERASI

## HURUF ARAB

ا  
ب  
ت  
ث  
ج  
ح  
خ  
د  
ذ  
ر  
ز  
س  
ش  
ص  
ض  
ط  
ظ

## HURUF RUMI

a  
b  
t  
th  
j  
h  
kha  
d  
dh  
r  
z  
s  
sy  
s  
d  
t  
z



# **BAB PERTAMA**

## BAB PERTAMA

### PENGENALAN TAJUK

#### 1.0 Muqaddimah

Islam mempunyai pandangan yang berbeza dalam menangani isu hak wanita jika dibandingkan dengan golongan Barat yang telah sekian lama memperjuangkan apa yang dikatakan 'Woman Lib'. Persamaan hak ini diperjelaskan dalam firman Allah:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ

Mahfumnya: "Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa di antara kamu."<sup>(01)</sup>

Soal peranan wanita dan hak-hak kekeluargaan dipelihara oleh Islam hingga Allah ta'ala menurunkan ayat-ayat al-Quran yang khusus mengenainya dalam surah An-Nisa'. Wanita begitu tinggi nilainya di sisi Islam sedangkan tidak ada surah yang khusus menceritakan tentang 'golongan Adam'.

Di sesetengah negara Islam, golongan wanita tidak diberikan hak mereka yang sebenar. Sebagai contoh, di Arab Saudi, wanita tidak diberi hak untuk bekerja, sedangkan ini tidak terjadi di Malaysia dan juga di beberapa buah negara Islam yang lain.

Di Malaysia, hak-hak wanita turut dilindungi oleh undang-undang sama ada yang ditadbirkan oleh Mahkamah Awam mahupun Mahkamah Syariah. Persoalannya, bagaimanakah undang-undang tersebut ditadbir?

Kita sering mendengar berita mengenai penangguhan sesuatu kes sehingga memakan masa yang lama untuk diselesaikan, dakwaan terhadap ketidakadilan keputusan sesuatu perbicaraan terhadap wanita, kegagalan pelaksanaan hukuman yang telah diputuskan seperti pemberian nafkah dan mut'ah serta kes-kes yang berkaitan dengan perundangan Islam. Adakah dakwaan itu benar? Apakah punca sebenar kepada pelbagai persoalan tersebut?

Setiap wanita mempunyai hak asasi sebagai seorang individu dan di antaranya disebut dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

1. Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang. (02)
2. Tiada sesiapa pun boleh dihukum kerana sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang tidak menjadi kesalahan di sisi undang-undang pada masa perbuatan atau ketinggalan itu dilakukan dan kerana sesuatu kesalahan tiada sesiapa pun boleh menanggung hukuman yang lebih berat daripada apa yang telah ditetapkan oleh undang-undang pada masa kesalahan itu dilakukan. (03)
3. Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. (04)

4. Tidak boleh ada perbezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang atau dalam perlantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang berkenaan dengan memperolehi, memegang atau melepaskan harta atau berkenaan dengan menubuhkan atau menjalankan apa-apa tred, perniagaan, profesion, vokasion atau pekerjaan. (05)

Walau bagaimanapun, konsep kesamarataan ini tidak sentiasa dipatuhi. Sehingga kini, tidak terdapat apa-apa peruntukan yang melarang diskriminasi berdasarkan jantina. (06)

5. Tiada seorang warganegara pun boleh dibuang negeri atau ditahan masuk ke dalam Persekutuan. (07)

6. Setiap warganegara adalah berhak bercakap dan mengeluarkan fikiran. (08)

7. Semua warganegara adalah berhak berhimpun secara aman dan dengan tidak bersenjata. (09)
8. Semua warganegara adalah berhak menubuhkan persatuan. (10)
9. Setiap orang adalah berhak menganut dan mengamalkan agamanya dan mengembangkan agamanya. (11)
10. Setiap orang mempunyai hak yang sama untuk mendapat pelajaran. (12)
11. Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang. (13)
12. Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan yang mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa, dengan tiada pampasan yang mencukupi. (14)
13. Setiap warganegara yang mencapai umur 21 tahun berhak mengundi dalam pilihanraya. (15)